

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI  
serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agenzi  
Negeri Perak Tahun 2022**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agenzi Negeri Perak Tahun 2022. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022, Analisis Kewangan Kerajaan Negeri serta Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri dan empat tajuk di bawah pengauditan pematuhan jabatan/agensi.

**1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022**

- a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 Tanpa Teguran telah ditandatangani pada 14 Ogos 2023.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Kutipan hasil pada tahun 2022 meningkat sejumlah RM95.28 juta (9.5%) menjadi RM1.094 bilion berbanding RM0.998 bilion pada tahun 2021. Perbelanjaan mengurus turut meningkat sejumlah RM59.07 juta (5.9%), iaitu daripada RM1.005 bilion pada tahun 2021 kepada RM1.064 bilion pada tahun 2022. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan surplus RM29.62 juta pada tahun 2022 berbanding defisit RM6.59 juta pada tahun 2021.
- b. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan peningkatan sejumlah RM29.62 juta menjadi RM562.61 juta berbanding RM532.99 juta pada tahun 2021. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2022 menunjukkan penurunan sejumlah RM38.99 juta (4.9%) menjadikan baki pada tahun 2022 berjumlah RM759.75 juta berbanding RM798.74 juta pada tahun 2021. Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2022 dan 2021 berbaki sifar.

- c. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM1.322 bilion, iaitu menurun sejumlah RM9.37 juta berbanding RM1.332 bilion pada akhir tahun 2021.
- d. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM1.18 juta daripada RM185.05 juta pada tahun 2021 kepada RM186.23 juta pada tahun 2022. Pelaburan meningkat sejumlah RM1 juta daripada RM91.99 pada tahun 2021 kepada RM92.99 juta pada tahun 2022. Jumlah Hutang Awam menurun sejumlah RM5.20 juta menjadi RM164.95 juta pada tahun 2022 berbanding RM170.15 juta pada tahun 2021.

### **1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri**

- a. Pengauditan penyata kewangan tahun 2022 dilaksanakan terhadap 27 agensi negeri yang terdiri daripada 11 Badan Berkanun Negeri (BBN), 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan satu Majlis Agama Islam (MAI).
- b. Sebanyak 25 agensi iaitu 10 BBN dan 15 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Daripada 25 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan, hanya 24 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2023. Sebanyak satu agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan. Dua penyata kewangan agensi masih belum diterima.
- c. Setakat 31 Ogos 2023, lima penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah disahkan. Sebanyak 15 agensi telah selesai diaudit dan sijil Ketua Audit Negara sedang dimuktamadkan manakala mesyuarat penutup bagi tiga agensi telah ditetapkan pada bulan September 2023. Seterusnya dua agensi sedang diaudit dan dua penyata kewangan masih belum diterima.
- d. Sebanyak 27 penyata kewangan tahun 2021 telah disahkan oleh Ketua Audit Negara. Seterusnya daripada 27 penyata kewangan tersebut, 18 penyata kewangan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak pada 21 Disember 2022, dan 25 Mei 2023. Sebanyak lima penyata kewangan 2021 belum bentang manakala empat penyata kewangan agensi tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tidak dikehendaki oleh Akta Tubuh.

Bagaimanapun satu penyata kewangan 2018, dua penyata kewangan 2019 & 2020 belum dibentangkan.

#### **1.4. Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri**

##### **1.4.1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Unit Perancang Ekonomi Negeri)**

- a. Pengauditan dijalankan terhadap pembayaran bantuan kewangan Kad Perak Prihatin (KPP) bagi menentukan sama ada pembayaran dibuat dengan teratur dan mengikut undang-undang serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pengauditan ini melaporkan penemuan Audit seperti berikut:
  - i. Pembayaran bantuan kewangan tidak teratur sejumlah RM0.74 juta:
    - pembayaran penggunaan kad bagi penerima yang telah meninggal dunia sejumlah RM0.51 juta;
    - pembayaran penggunaan kad bagi penerima yang mempunyai nama berbeza dengan rekod JPN sejumlah RM23,869;
    - pembayaran penggunaan kad bagi penerima KPP tiada dalam rekod JPN sejumlah RM153,236;
    - pembayaran penggunaan kad bagi penerima KPP mempunyai dua nombor kad pengenalan berbeza sejumlah RM8,926; dan
    - bayaran bantuan kewangan sejumlah RM38,527 untuk dua kad bagi satu keluarga.

##### **1.4.2. Pejabat Kewangan Negeri**

- a. Pengauditan dijalankan terhadap pembayaran penyenggaraan jalan raya negeri (MARRIS) Perak bagi menentukan sama ada pembayaran penyenggaraan MARRIS dibuat dengan teratur mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pengauditan ini melaporkan penemuan Audit seperti berikut:
  - i. Lebihan bayaran sejumlah RM0.84 juta:
    - pembayaran bagi penyenggaraan kerja rutin yang tidak dilaksanakan sejumlah RM469,151;

- kesilapan pengiraan pembayaran bagi penyenggaraan kerja rutin sejumlah RM254,824;
  - perbezaan kadar tambahan peratusan bagi kerja *requisition* sejumlah RM64,010; dan
  - perbezaan panjang jalan/longkang antara arahan pembayaran dengan pemeriksaan fizikal dan pembekalan tidak mencukupi sejumlah RM50,216;
- ii. Pembayaran tidak wajar sejumlah RM0.76 juta:
- pembayaran penyenggaraan bagi jalan yang tidak didaftarkan dalam sistem MARRIS sejumlah RM365,020; dan
  - pembayaran terhadap kerja yang tidak dibenarkan sejumlah RM391,428.
- iii. Arahan perubahan kerja tanpa kelulusan sejumlah RM349,985

#### **1.4.3. Pejabat Kewangan Negeri**

- a. Pengauditan dijalankan terhadap pembayaran menggunakan peruntukan Akaun Amanah telah dibuat dengan teratur dan mengikut undang-undang serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pengauditan ini melaporkan penemuan Audit seperti berikut:
- i. Perbezaan baki wang antara penyata tunai dan tunai di tangan sejumlah RM88,431.

#### **1.4.4. Majlis Sukan Negeri Perak**

- a. Pengauditan dijalankan terhadap pembayaran program pembangunan sukan bagi menentukan perbelanjaan program pembangunan sukan dilaksanakan dengan teratur dan mengikut undang-undang serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pengauditan ini melaporkan penemuan Audit seperti berikut:

- i. Pembayaran tidak teratur
    - Tiada kelulusan oleh pegawai pengawal bagi pengeluaran wang tunai di bawah AP 96(a) sejumlah RM0.72 juta;
    - tatacara perolehan bekalan/perkhidmatan tidak dipatuhi berjumlah RM187,497; dan
    - bayaran elaun tunai program sukan sejumlah RM14,385 tidak wajar.
  - ii. Kelulusan bantuan kewangan kepada persatuan sukan dan NGO sejumlah RM1.17 juta tidak melalui Jawatankuasa Khas.
2. Secara keseluruhannya, sebanyak 18 syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara.

